

06 OCT 1996  
LEAD S46-Bubar  
PERHIMPUNAN AGUNG KHAS S46 LULUS PEMBUBARAN PARTI

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Perhimpunan Agung Khas Parti Melayu Semangat 46 (S46) hari ini sebulat suara meluluskan usul membubarkan parti itu dan anggotanya menyertai Umno secara beramai-ramai untuk perpaduan Melayu.

Usul itu diluluskan oleh kesemua 468 anggota perwakilan parti itu pada 1.50 petang dalam persidangan itu di KL Hilton di sini, setelah ia dibahas dan disokong oleh wakil-wakil negeri.

Laungan "Hidup Melayu" sebanyak tiga kali bergema di dewan persidangan sebelum perhimpunan itu ditangguhkan oleh pengerusi tetap Datuk Yusof Latiff yang mempengerusikan persidangan selama empat setengah jam itu.

Suasana sedih bercampur gembira jelas tergambar di kalangan anggota parti yang melimpah di ruang legar hotel itu untuk mengikuti persidangan itu melalui televisyen dan layar video.

Usul yang dibentangkan oleh Timbalan Presiden parti Datuk Rais Yatim itu berbunyi:

"Maka inilah dipersetujukan, sesuai dengan kehendak dan mandat para ahli serta pimpinan Parti Melayu Semangat 46, bahawa mulai 6 Okt 1996 bersamaan 23 Jamadilawal 1417 Parti Melayu Semangat 46 adalah dianggap dibubarkan mengikut seksyen 13(1)(a) Akta Pertubuhan dan Seksyen 8 Peraturan-peraturan Pertubuhan 1984 tertakluk kepada budibicara serta kuasa Pendaftar Pertubuhan yang berkenaan, DAN dengan diterima serta lulusnya usul ini maka semua kepentingan dan hak ahli-ahli Parti Melayu Semangat 46 adalah dianggap terwakil kepada bidangkuasa Perhimpunan Agung Khas ini secara yang sah meliputi kepentingan semua ahli di bawah mana-mana peruntukan lainnya yang berkaitan di bawah Akta Pertubuhan 1966; dan

DENGAN YANG DEMIKIAN Persidangan pada hari ini bersetuju menerima dan meluluskan ikatan kira-kira atau akaun Parti Melayu Semangat 46 yang kertasnya telah diedarkan kepada para perwakilan DAN mana-mana urusan yang tidak selesai melalui Persidangan Khas pada hari ini bolehlah diteruskan penyerpurnaannya mengikut budibicara serta kuasa Pendaftar Pertubuhan melalui rundingan dengan atau arahan kepada mana-mana pegawai yang namanya tertera pada Borang 6 Akta Pertubuhan 1966."

Perhimpunan Agung Khas itu dirasmikan oleh Presiden parti Tengku Razaleigh Hamzah dan semasa berucap beliau meminta anggota parti itu menerima hakikat bahawa Umno kini disertai oleh majoriti orang Melayu serta diterima rakyat dan oleh itu, mereka perlu menyertai Umno untuk bersama dengan orang Melayu lain dalam perjuangan untuk kepentingan agama, bangsa dan negara.

Pada persidangan berita sejurus selepas persidangan itu Tengku Razaleigh yang ditanya perasaannya mengenai pembubaran parti itu berkata: "Kita rasa sedih kerana kita telah bersama dalam perjuangan ini selama hampir lapan tahun dan keseluruhan anggota parti kita amat setia dengan kita dan saya dapat merasakan begitu sedih sekali kerana tak dapat meneruskan perjuangan di bawah panji-panji yang kita dukung selama ini.

"Tetapi apa boleh buat, kita mesti buat pilihan dan ini adalah satu keputusan yang saya rasa patut dibuat oleh kita. Dan kita bukanlah membuat satu keputusan secara tergesa-gesa, kita telah timbang dengan halus, serius dan mendalam dan nampaknya sudah ada kata sepakat, walaupun terpaksa berkorban membubarkan parti tetapi wadah perjuangan yang besar saya rasa sedang menunggu kita."

Tengku Razaleigh berkata keputusan Perhimpunan Agung Khas itu akan

segera dimaklumkan kepada Pendaftar Pertubuhan untuk agar pendaftaran parti itu dibatalkan secara rasmi.

Selasa ini, sekitar 200,000 borang permohonan menyertai Umno oleh bekas anggota S46 akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno di Ibu Pejabat Umno di sini.

Menjawab soalan, Tengku Razaleigh, yang juga Anggota Parlimen Gua Musang, berkata beliau percaya kesemua tujuh Anggota Parlimen dan 11 Anggota Dewan Undangan Negeri S46 di Kelantan ialah antara mereka yang telah mengisi borang untuk menyertai Umno itu.

Katanya anggota-anggota parti yang belum sempat menghantar borang boleh berbuat demikian ke pejabat Setiausaha Agung parti itu yang terus beroperasi sementara pembatalan pendaftaran S46 diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

Beliau berkata Umno telah mengundang para pemimpin S46 untuk perasmian Perhimpunan Agung Umno Khamis ini sebagai jempunan khas dan mereka akan menghadirinya.

S46 ditubuhkan pada 5 Mei, 1989 dengan tujuan menghidupkan Umno yang telah dibatalkan pendaftarannya setahun sebelum itu. Ketika ditubuhkan, parti itu dilaporkan mempunyai 400,000 anggota.

"Selepas dua pilihan raya umum, isu menghidupkan Umno asal tidak lagi menjadi isu utama politik tanah air. Banyak agenda politik lain yang terus menyelubungi kita," kata Tengku Razaleigh dalam ucapan perasmianya yang bertemakan "Ke Arah Penyatuan Melayu Yang Hakiki".

Katanya Umno yang ada sekarang adalah parti yang sudah berkuasa dan diterima oleh rakyat melalui dua pilihan raya yang lepas itu.

"Maka kita mesti terima hakikat ini dan bersama dalam satu kenderaan yang sudahpun disertai oleh majoriti orang Melayu lain," katanya.

Sambil menarik perhatian kepada usaha perdamaian yang dilakukan di Bosnia dan Mindanao, beliau berkata : "Takkan kita Melayu di Malaysia tak mahu berdamai."

Sebagai orang Melayu, katanya sejauh manapun mereka berbalah, mereka mesti segera berdamai apabila titik penyelesaian ditemui. -- BERNAMA

AFY AZZ AHT MAI